BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

SIARAN AKHBAR

No. Ruj.: 03/10/07

EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan sebelum pukul 1800 pada hari Rabu, 24 Mac 2010

SIARAN AKHBAR

Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia 2009

Ekonomi Malaysia pada Tahun 2009

Meskipun mengalami penguncupan yang sangat ketara pada separuh pertama 2009, ekonomi Malaysia hanya merosot sebanyak 1.7% apabila pemulihan ekonomi menjadi lebih kukuh pada separuh tahun kedua. Dengan tahap keterbukaan ekonomi Malaysia yang sangat tinggi, kemerosotan dalam permintaan luar mempunyai kesan yang besar terhadap guna tenaga, pendapatan dan keseluruhan sentimen perniagaan dan pengguna di negara ini. Pertumbuhan ekonomi Malaysia bertukar negatif pada tiga suku pertama 2009, dengan penguncupan ekonomi paling ketara sebanyak 6.2% pada suku pertama. Pelaksanaan langkah rangsangan fiskal yang pantas dan pelonggaran dasar monetari yang turut diperkukuh oleh langkah untuk memastikan akses kepada

pembiayaan berterusan telah menyumbang kepada penstabilan ekonomi dalam negeri pada suku kedua, dan ini disusuli oleh pemulihan pada separuh kedua tahun tersebut. Hasilnya, momentum pertumbuhan ekonomi Malaysia meningkat pada suku keempat dengan peningkatan sebanyak 4.5%, hasil sokongan permintaan dalam dan luar negeri yang semakin kukuh.

Pada suku pertama 2009, **permintaan dalam negeri agregat** menguncup sebanyak 2.9% apabila sektor isi rumah dan perniagaan menjadi lebih berhati-hati berikutan kemerosotan yang ketara dalam permintaan luar, keadaan pasaran pekerja yang lebih lemah, serta kemerosotan sentimen sektor swasta secara keseluruhan. Walau bagaimanapun, keadaan mula stabil pada suku kedua. Penggunaan swasta secara beransur-ansur menjadi bertambah baik dengan pemulihan semula sentimen pengguna, prospek guna tenaga yang stabil, inflasi yang rendah dan keadaan pembiayaan yang menggalakkan. Pelonggaran dasar monetari secara nyata dan pelaksanaan langkah rangsangan fiskal mula menunjukkan kesan positif terhadap pertumbuhan pada separuh kedua tahun tersebut. Hasilnya, permintaan dalam negeri meningkat sebanyak 1.7% pada separuh kedua 2009, lantas menjadikan keseluruhan permintaan dalam negeri agregat bagi tahun tersebut mendatar pada kira-kira -0.4% (2008: +6.8%).

KDNK Benar Mengikut Komponen Perbelanjaan

(% perubahan)

	2008	2009*a*
Permintaan dalam negeri[1]	**6.8**	**-0.4**
Perbelanjaan sektor swasta	7.0	-3.4
Penggunaan	*8.5*	*0.8*
Pelaburan	*0.8*	*-21.8*
Perbelanjaan sektor awam	6.3	7.7
Penggunaan	*10.9*	*3.7*
Pelaburan	*0.7*	*12.9*
Eksport barangan dan perkhidmatan bersih	**-3.5**	**8.4**
Eksport	1.3	-10.1
Import	1.9	-12.5
KDNK Benar	**4.6**	**-1.7**

[1] Tidak termasuk stok

a Awalan

Dari **segi penawaran**, pertumbuhan pada suku pertama terjejas terutamanya oleh kemerosotan yang ketara dalam sektor perkilangan berikutan kejatuhan yang nyata dalam permintaan luar. Sektor lain, kecuali pembinaan, juga menguncup. Sektor perkhidmatan mencatatkan sedikit kemerosotan pada suku pertama terutamanya disebabkan oleh penguncupan dalam subsektor yang berkaitan dengan perkilangan dan perdagangan. Walau bagaimanapun, bermula suku kedua, sektor perkhidmatan menjadi bertambah baik secara beransur-ansur, dengan pertumbuhan disumbangkan oleh subsektor perkhidmatan yang bergantung pada aktiviti ekonomi dalam negeri, dan juga aktiviti berkaitan kewangan dan pasaran modal. Sektor perkilangan mencatatkan pertumbuhan positif pada suku keempat berikutan pemulihan dalam permintaan luar. Pertumbuhan dalam sektor pembinaan pula kekal positif sepanjang tempoh

tersebut disebabkan terutamanya oleh pelaksanaan projek berkaitan pembinaan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK9) dan langkah rangsangan fiskal.

KDNK Benar Mengikut Sektor (2000=100)

	2008	**2009*a***
	Perubahan tahunan (%)	
Pertanian	4.0	0.4
Perlombongan & kuari	-0.8	-3.8
Perkilangan	1.3	-9.3
Pembinaan	2.1	5.7
Perkhidmatan	7.2	2.6
KDNK Benar	**4.6**	**-1.7**

a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Keadaan **pasaran pekerja** menjadi lemah pada suku pertama kerana syarikat dalam sektor perkilangan yang terjejas oleh krisis telah mengurangkan sebahagian daripada operasi mereka. Walau bagaimanapun, keadaan pasaran pekerja menjadi stabil pada suku kedua dan selepas itu terus bertambah baik apabila pemberhentian pekerja berkurang dan syarikat mula mengambil pekerja semula. Pada tahun 2009, kadar pengangguran adalah pada paras 3.7%, lebih rendah daripada unjuran awal 4.5%.

Inflasi keseluruhan negara berpurata pada 0.6% pada tahun 2009 ekoran pengurangan ketara dalam tekanan inflasi sejajar dengan perkembangan global. Kemerosotan ketara dalam inflasi keseluruhan didorong oleh faktor penawaran dan keadaan permintaan yang lembap.

Inflasi dan Pengangguran

	2008	2009
Inflasi (% perubahan)		
IHP (2005=1000)	5.4	0.6
IHP Teras	4.0	2.7
Pengangguran (% daripada guna tenaga)	3.7	3.7

Kedudukan luar Malaysia kekal kukuh pada tahun 2009 meskipun persekitaran luar adalah sangat lemah. Pada tahun itu, akaun semasa terus berada dalam keadaan lebihan, disokong oleh lebihan perdagangan yang besar dan peningkatan dalam akaun perkhidmatan. Walaupun eksport kasar merosot dengan ketara, terutamanya pada separuh pertama, lebihan perdagangan terus tinggi memandangkan permintaan eksport yang lebih rendah berlaku seiring dengan kemerosotan import. Dalam akaun kewangan, aliran keluar bersih adalah lebih rendah berikutan aliran keluar portfolio yang nyata lebih sederhana pada separuh pertama 2009 dan aliran masuk bersih pada separuh tahun kedua. Berikutan lebihan akaun semasa yang lebih daripada mengimbangi aliran keluar bersih akaun kewangan, imbangan pembayaran keseluruhan mencatatkan lebihan pada tahun 2009.

Pada tahun 2009, **rizab antarabangsa bersih** Bank Negara Malaysia meningkat sebanyak RM13.9 bilion kepada RM331.3 bilion (bersamaan dengan USD96.7 bilion) pada 31 Disember 2009. Kenaikan rizab ini disokong terutamanya oleh lebihan yang berterusan dalam akaun semasa. Aliran masuk portfolio asing bersih pada separuh kedua tahun tersebut juga menyumbang kepada peningkatan dalam rizab antarabangsa bersih. Pada 15 Mac 2010, rizab berjumlah RM331.7 bilion (bersamaan dengan USD96.8 bilion). Paras rizab ini adalah memadai untuk membiayai import tertahan selama 9.2 bulan dan 4.3 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Keadaan Monetari dan Kewangan pada Tahun 2009

Pada tiga bulan pertama 2009, **pasaran kewangan antarabangsa** melalui tempoh pergolakan di tengah-tengah kemelesetan global yang teruk. Namun, keadaan pasaran kewangan kemudiannya stabil pada suku kedua dan ketiga. Pada suku keempat, keadaan ekonomi dan kewangan global pulih apabila kesan pengembangan daripada rangsangan fiskal dan monetari yang besar membawa kepada pemulihan dalam pertumbuhan. Keadaan monetari dan kewangan domestik terus menggalakkan dan menyokong aktiviti ekonomi walaupun masih terdedah kepada kejutan ekonomi dan kewangan global yang buruk akibat krisis kewangan. Tindak balas dasar yang pantas dan daya tahan sektor perbankan dan pasaran modal telah memastikan proses pengantaraan kewangan terus berjalan dengan berkesan dan lancar.

Pada tahun 2009, **dasar monetari** berhadapan dengan risiko yang semakin meningkat terhadap pertumbuhan akibat krisis ekonomi dan kewangan global. Pada awal tahun 2009, ekonomi terjejas teruk akibat kemerosotan yang amat ketara dalam eksport dan aktiviti pelaburan swasta, berikutan penguncupan dalam permintaan global. Dengan trend penurunan inflasi, Bank Negara Malaysia telah terlebih dahulu melaksanakan dasar rangsangan monetarinya dengan mengurangkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) sebanyak 150 mata asas antara November 2008 hingga Februari 2009 kepada 2.00% bagi melindungi ekonomi daripada keadaan ekonomi global yang semakin lemah. Selain itu, bagi memastikan penyaluran yang lebih baik daripada pengurangan kadar dasar kepada kadar pinjaman runcit, Keperluan Rizab Berkanun (SRR) juga diturunkan serentak sebanyak 300 mata asas.

Bagi bulan-bulan berikutnya pada tahun 2009, Bank Negara Malaysia mengambil keputusan untuk mengekalkan kadar dasar kerana berpendapat bahawa langkah dasar monetari kumulatif adalah memadai untuk menyokong permintaan dalam negeri. Sistem kewangan yang kukuh dan proses penyampaian monetari yang berfungsi dengan baik telah menyalurkan kesan rangsangan dasar monetari kepada ekonomi dengan berkesan. Memandangkan kesan penyaluran yang tinggi daripada penurunan OPR kepada kadar faedah pasaran wang, bank bertindak balas dengan mengurangkan kadar pinjaman runcit bagi sektor isi rumah dan perniagaan. Dengan semakan terhadap kadar faedah bagi pinjaman baharu dan sedia ada, kadar pinjaman purata bagi pinjaman terkumpul menurun kepada paras paling rendah dalam sejarah, iaitu 4.83% pada akhir tahun 2009.

Pelonggaran dasar monetari turut dilengkapi oleh langkah-langkah lain supaya dapat menjangkau sektor ekonomi tertentu. Oleh itu, inisiatif untuk memastikan akses kepada pembiayaan berterusan merupakan dasar penting yang menjadi keutamaan. Pada tahun 2009, Bank Negara Malaysia dan Kerajaan melaksanakan beberapa langkah bagi memastikan pembiayaan kepada pelbagai segmen ekonomi berterusan. Langkah ini termasuk mewujudkan beberapa dana khas untuk perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan penubuhan Danajamin Nasional Berhad bagi menyediakan jaminan kewangan untuk terbitan PDS dan Sukuk oleh syarikat yang berdaya maju dari segi kewangan. Saluran bagi individu dan sektor perniagaan untuk menyusun semula hutang mereka juga diwujudkan.



Sumber: Bank Negara Malaysia

Hasil daripada langkah-langkah dasar yang diambil, keadaan pembiayaan keseluruhan pada tahun 2009 terus kondusif dan menyokong aktiviti ekonomi. Pembiayaan sektor swasta meningkat pada kadar yang lebih perlahan pada awal tahun, sejajar dengan kelemahan ekonomi secara am. Pada separuh kedua tahun tersebut, momentum pembiayaan mula meningkat berikutan kadar pinjaman yang lebih rendah dan pelbagai langkah yang dilaksanakan untuk memastikan akses yang berterusan kepada dana bagi semua sektor ekonomi. Bagi tahun 2009 secara keseluruhannya, **pembiayaan bersih** kepada sektor swasta melalui pinjaman sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta (PDS) meningkat sebanyak 8.6% (tahun 2008: 12.7%).

Jumlah Pembiayaan Bersih kepada Sektor Swasta Melalui Pinjaman Sistem Perbankan dan PDS



Pinjaman yang dikeluarkan kepada sektor isi rumah adalah lebih tinggi, didorong terutamanya oleh kos peminjaman yang lebih rendah dan tersedianya pembiayaan dalam persekitaran yang kompetitif. Pembiayaan bagi sektor isi rumah juga disokong oleh sentimen pengguna dan keadaan pasaran pekerja yang bertambah baik menjelang separuh kedua tahun 2009.

Pembiayaan kepada sektor perniagaan meningkat pada kadar yang lebih sederhana pada tahun itu. Permintaan terhadap pembiayaan oleh sektor perniagaan didapati menurun kerana sektor tersebut mengurangkan operasi dan menangguhkan rancangan pengembangannya. Walau bagaimanapun, permintaan terhadap pembiayaan oleh sektor perniagaan bertambah baik mulai suku kedua. Bagi tahun 2009 secara keseluruhannya, pembiayaan bersih yang dikeluarkan kepada sektor perniagaan melalui sistem perbankan dan pasaran PDS meningkat sebanyak 6.3% (tahun 2008: 12.8%). Sementara itu, pinjaman kepada PKS oleh sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP), tidak termasuk syarikat yang telah meningkat maju melangkaui definisi PKS, meningkat sebanyak 5.1% pada tahun 2009. Pada akhir tahun tersebut,

pinjaman PKS terkumpul mencakupi 40% daripada jumlah pinjaman perniagaan sistem perbankan dan IKP.

Prestasi **ringgit** pada tahun 2009 dipengaruhi oleh perkembangan dalam pasaran kewangan antarabangsa. Pada awal tahun itu, ringgit mengalami penyusutan nilai apabila pelabur asing menjual aset domestik untuk mengurangkan hutang. Walau bagaimanapun, penyusutan nilai ini berkurang, sebahagiannya disebabkan oleh perolehan daripada lebihan perdagangan Malaysia. Pada Mac 2009, trend ringgit mula bertukar disebabkan oleh faktor luar dan dalam negeri. Langkah pengembangan untuk mengimbangi kemerosotan ekonomi di seluruh dunia membantu menaikkan sentimen pelabur dan merangsang kesanggupan mereka untuk mengambil risiko dan seterusnya mengalihkan tumpuan mereka kepada prospek pertumbuhan ekonomi serantau yang lebih positif. Aliran masuk portfolio yang besar disalurkan ke dalam pasaran ekonomi sedang pesat membangun, termasuk Malaysia. Ringgit juga mendapat manfaat daripada tindak balas pasaran yang positif terhadap pakej rangsangan kedua yang diumumkan Kerajaan pada 10 Mac. Namun, antara pertengahan Oktober hingga Disember 2009, ringgit turun naik dengan lebih ketara berikutan sikap berhati-hati pelabur. Keadaan turun naik tersebut juga didorong oleh reaksi pelabur terhadap pelbagai perkembangan luar, seperti pelaksanaan peraturan kawalan modal di Brazil dan Taiwan dan juga kesan sistemik yang mungkin timbul akibat krisis hutang di Dubai dan isu hutang Kerajaan Greece. Perkembangan terkini tahun ini menunjukkan ringgit telah menambah nilai antara 0.1% hingga 10.8% berbanding dengan mata wang serantau dan utama.

Ringkasan Prestasi Ringgit Malaysia Berbanding dengan Mata Wang Utama dan Serantau pada Tahun 2009



Nota: (+) Menunjukkan penambahan nilai ringgit berbanding dengan mata w ang asing
Sumber: Bank Negara Malaysia

Kadar hasil bon Kerajaan agak stabil pada hampir sepanjang tahun 2009. Kadar hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) pada awalnya meningkat berikutan kebimbangan terhadap peningkatan besar dalam terbitan bon Kerajaan. Walau bagaimanapun, kadar hasil pada amnya terus stabil hampir sepanjang tahun tersebut apabila keadaan ekonomi bertambah baik di tengah-tengah prospek inflasi yang rendah. Kadar hasil sekuriti hutang swasta (PDS) terjejas akibat tindakan ketara pelabur menghindari risiko. Kebimbangan terhadap keadaan kredit, khususnya telah mempengaruhi kadar hasil PDS berpenarafan rendah. Sentimen dalam pasaran PDS mula bertambah baik pada separuh kedua tahun tersebut, sebahagiannya disebabkan oleh penubuhan Danajamin Nasional Berhad, iaitu institusi jaminan kewangan yang menyediakan jaminan kredit kepada penerbit yang berdaya maju dari segi kewangan. **Pasaran saham** domestik mengalami turun naik yang ketara pada awal tahun di tengah-tengah suasana ketidaktentuan yang sangat ketara dalam pasaran kewangan global. Meskipun terdapat kemerosotan pada awalnya, pasaran saham pulih semula pada suku kedua dan seterusnya, apabila kesanggupan pelabur untuk mengambil risiko mula meningkat. Bagi tahun 2009 secara keseluruhannya, FBM KLCI meningkat sebanyak 45.2% (tahun 2008: -39.3%).

Prospek Ekonomi Malaysia pada Tahun 2010

Ekonomi Malaysia diunjurkan berkembang antara 4.5% hingga 5.5% pada tahun 2010, disokong oleh permintaan dalam negeri yang semakin kukuh dan persekitaran luar yang bertambah baik. Pertumbuhan dijangka didorong oleh aktiviti sektor swasta yang lebih giat dan permintaan luar yang kukuh khususnya dari negara serantau. Asas-asas ekonomi yang kuat, kedudukan kewangan sektor swasta yang baik dan sistem kewangan yang kukuh akan menyediakan sokongan kepada pemulihan yang didorong sektor swasta. Selain itu, persekitaran monetari yang menyokong, termasuk akses kepada pembiayaan yang berterusan akan merangsang pemulihan dalam aktiviti sektor swasta.

Permintaan dalam negeri yang diterajui oleh sektor swasta dijangka menjadi penyumbang utama pertumbuhan pada tahun 2010. Pengembangan selanjutnya dalam penggunaan swasta akan disokong oleh keadaan dalam negeri yang menggalakkan, termasuk pasaran pekerja yang bertambah baik, pendapatan boleh guna yang meningkat dan keyakinan pengguna yang berterusan. Pelaburan swasta juga dijangka beransur-ansur pulih pada tahun 2010. Selain itu, pemulihan ekonomi global, khususnya pengembangan yang lebih teguh dalam negara serantau, menyediakan daya pendorong yang penting bagi pertumbuhan pada tahun 2010. Pengukuhan **permintaan luar** akan memberikan kesan limpahan yang positif terhadap ekonomi yang lebih luas dari segi guna tenaga, aktiviti pengeluaran dan sentimen keseluruhan sektor perniagaan dan pengguna, lantas menyokong penggunaan dan pelaburan swasta yang lebih besar.

KDNK Benar Mengikut Komponen Perbelanjaan (2000=100)

	2010*r*	
	Perubahan tahunan (%)	Sumbangan kepada pertumbuhan KDNK Benar (mata peratusan)
Permintaan dalam negeri[1]	**3.2**	**2.8**
Perbelanjaan sektor swasta	3.3	2.1
Penggunaan	*3.8*	*2.0*
Pelaburan	*0.7*	*0.1*
Perbelanjaan sektor awam	2.7	0.7
Penggunaan	*-2.7*	*-0.4*
Pelaburan	*9.3*	*1.1*
Perubahan dalam stok		**4.5**
Eksport barangan dan perkhidmatan bersih	**-18.6**	**-2.7**
Eksport	7.7	8.3
Import	11.7	11.0
KDNK Benar	**4.5 ~ 5.5**	**4.5 ~ 5.5**

[1] Tidak termasuk stok

r Ramalan

Dari **segi penawaran**, kebanyakan sektor ekonomi dijangka mencatatkan prestasi yang lebih baik pada tahun 2010, apabila permintaan dalam negeri menjadi semakin kukuh dan permintaan luar menjadi semakin baik. Sektor perkilangan dan perlombongan dijangka mencatatkan pertumbuhan positif apabila permintaan luar terhadap keluaran utama seperti elektronik, minyak mentah dan gas asli pulih. Sektor perkhidmatan akan kekal menjadi penyumbang utama kepada pertumbuhan keseluruhan KDNK, dengan pertumbuhan dijangka meluas. Sektor pertanian juga diunjurkan mencatatkan pertumbuhan lebih tinggi apabila permintaan dari pasaran eksport utama bagi tanaman industri meningkat sejajar dengan prospek ekonomi yang lebih cerah

pada tahun 2010. Sementara itu, sektor pembinaan dijangka terus mapan memandangkan sektor ini terus mendapat manfaat daripada pelaksanaan berterusan projek di bawah pakej rangsangan kedua dan RMK9.

KDNK Benar Mengikut Sektor (2000=100)

	2009*a*	**2010*r***
	Perubahan tahunan (%)	
Pertanian	0.4	3.1
Perlombongan & kuari	-3.8	2.5
Perkilangan	-9.3	6.5
Pembinaan	5.7	3.7
Perkhidmatan	2.6	4.9
KDNK Benar	**-1.7**	**4.5 ~ 5.5**

a Awalan
r Ramalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan
Bank Negara Malaysia

Keadaan **pasaran pekerja** dijangka bertambah baik pada tahun 2010, dengan kadar pengangguran diunjurkan merosot kepada 3.6% daripada tenaga buruh. Berdasarkan kaji selidik Bank Negara Malaysia, kebanyakan syarikat dalam sektor perkilangan, perkhidmatan dan pembinaan merancang untuk menambah tenaga kerja dan memberikan kadar kenaikan gaji yang lebih tinggi pada tahun 2010, sejajar dengan jangkaan pemulihan dalam aktiviti ekonomi global dan dalam negeri.

Dalam **sektor luar** pula, lebihan akaun semasa Malaysia diunjurkan kekal besar, walaupun rendah sedikit pada 14.3% daripada Pendapatan Negara Kasar (PNK) pada tahun 2010. Ini menggambarkan lebihan perdagangan yang lebih kecil, defisit akaun pendapatan yang lebih besar, aliran keluar pindahan semasa yang berterusan, dan juga defisit akaun perkhidmatan yang kecil. Lebihan perdagangan dijangka lebih rendah apabila pengembangan eksport selanjutnya diimbangi sebahagiannya oleh peningkatan dalam import kasar seiring dengan pemulihan dalam sektor perkilangan serta pengukuhan permintaan dalam negeri. Bagi akaun kewangan pula, aliran masuk pelaburan langsung asing dan pelaburan langsung di luar negeri oleh syarikat Malaysia dijangka meningkat berikutan keadaan ekonomi global dan dalam negeri yang lebih baik.

Inflasi keseluruhan dijangka kekal sederhana pada purata 2% hingga 2.5% pada tahun 2010. Hal ini menggambarkan keadaan ekonomi yang bertambah baik dan pelarasan yang akan dibuat oleh Kerajaan terhadap harga ditadbir.



r: Ramalan

Pertumbuhan ekonomi Malaysia yang diunjurkan antara 4.5% hingga 5.5% pada tahun 2010 adalah berdasarkan jangkaan pemulihan ekonomi global yang beransur-ansur dan tidak sekata. Ekonomi global masih menghadapi beberapa risiko pertumbuhan yang lebih perlahan termasuk kelemahan dalam sistem kewangan ekonomi maju, pengurangan hutang yang berterusan dalam sektor swasta dan tekanan fiskal dalam sebahagian besar ekonomi utama. Berikutan itu, permintaan dalam negeri akan menjadi faktor penting dalam mendorong pertumbuhan pada tahun 2010. Dalam persekitaran ini, dasar yang diambil akan terus menyokong pertumbuhan, khususnya dalam memastikan aktiviti sektor swasta menjadi lebih kukuh dan pemulihan adalah lebih mantap.

Pengurusan Ekonomi dan Monetari pada Tahun 2010

Ketika ekonomi Malaysia terus pulih pada tahun 2010, dasar fiskal akan terus dijuruskan ke arah pembinaan asas-asas pemulihan yang lebih kukuh bagi penggunaan dan pelaburan sektor swasta. Usaha Kerajaan untuk mengukuhkan pelaburan swasta dan meningkatkan penglibatan sektor tersebut dalam ekonomi dapat dilihat melalui langkah-langkah yang diumumkan dalam Bajet 2010. Ini termasuk liberalisasi ekonomi, penswastaan syarikat milik Kerajaan, penyediaan insentif untuk beberapa sektor pertumbuhan tinggi dan menambah baik sistem penyampaian Kerajaan. Sebagai langkah untuk terus menyokong pertumbuhan penggunaan swasta, Kerajaan menurunkan cukai pendapatan perseorangan dan menaikkan jumlah pelepasan cukai individu bagi meningkatkan pendapatan boleh guna isi rumah.

Selaras dengan matlamat untuk mengukuhkan kedudukan fiskal secara beransur-ansur, Bajet 2010 memberi penekanan terhadap langkah untuk meningkatkan keberkesanan dan kecekapan dalam hasil dan perbelanjaan Kerajaan. Langkah ini termasuk menstrukturkan semula sistem subsidi bahan api dan menggiatkan lagi program perkongsian awam-swasta untuk beberapa projek berimpak tinggi. Defisit fiskal Kerajaan Persekutuan dijangka mula mengecil pada tahun 2010. Memandangkan terdapat mudah tunai yang lebih daripada

mencukupi dalam pasaran domestik, Kerajaan akan membiayai defisit fiskalnya terutamanya daripada pasaran bon domestik. Selain dana yang diperoleh daripada terbitan sekuriti kerajaan, Kerajaan juga akan menerbitkan bon runcit sebanyak RM3 bilion yang dikenali sebagai Sukuk 1Malaysia. Terbitan ini akan menjadi satu saluran pelaburan alternatif buat rakyat Malaysia untuk mendapat pulangan yang lebih baik dalam persekitaran kadar faedah domestik yang rendah.

Dengan ancaman kemelesetan yang teruk semakin berkurang, Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) menaikkan OPR sebanyak 25 mata asas pada Mac 2010 sebagai langkah mengembalikan keadaan monetari kepada kedudukan yang lebih wajar. Langkah mengekalkan kadar faedah pada paras yang amat rendah untuk tempoh yang lama boleh menjejaskan proses pengantaraan selain menimbulkan ketidakseimbangan kewangan dan pengambilan risiko yang berlebihan. Perkembangan tersebut boleh menjejaskan kemapanan proses pemulihan dan mengurangkan potensi pertumbuhan ekonomi jangka panjang.

Dengan tekanan harga dijangka sederhana pada masa akan datang, dasar monetari tahun 2010 akan menumpukan pada usaha menggalakkan pemulihan ekonomi yang berterusan dan memastikan akses kepada pembiayaan terus disediakan untuk sektor swasta. Memandangkan ketidakpastian berhubung dengan prospek pertumbuhan ekonomi global masih lagi wujud, pendirian dasar monetari yang akomodatif akan dikekalkan untuk menyokong dan mengukuhkan pelaburan dan permintaan penggunaan swasta serta pertumbuhan ekonomi negara secara keseluruhan.

Memandangkan ekonomi negara tidak lagi menghadapi ancaman kemelesetan yang teruk, dasar monetari dan fiskal akan terus menyokong ekonomi, sambil pada masa yang sama memastikan ketidakseimbangan kewangan tidak berlaku dalam ekonomi. Pada keseluruhannya, langkah-langkah dasar serta asas-asas ekonomi dan kewangan yang teguh menandakan bahawa pemulihan ekonomi Malaysia akan menjadi lebih kukuh pada tahun 2010.

Penyata Kewangan Bank Negara Malaysia yang Diaudit bagi Tahun 2009

Kedudukan kewangan Bank Negara Malaysia dan operasinya bagi tahun 2009 telah diperiksa dan disahkan oleh Ketua Audit Negara. Jumlah aset Bank Negara Malaysia berjumlah RM363 bilion sehingga akhir tahun 2009 (akhir tahun 2008: RM344.5 bilion). Bank Negara Malaysia mencatat keuntungan bersih sebanyak RM7.7 bilion bagi tahun kewangan yang berakhir 31 Disember 2009 dan mengisytiharkan dividen sebanyak RM2 bilion kepada Kerajaan.

Bank Negara Malaysia
24 Mac 2010